

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Jumaat, 28 Mac 2025



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI, MALAYSIA, FEBRUARI 2025

Harga eksport dan import Malaysia masing-masing meningkat 0.1 peratus dan 0.3 peratus pada Februari 2025 dipengaruhi oleh komoditi minyak galian.

PUTRAJAYA, 28 MAC 2025 – Harga eksport Malaysia pada Februari 2025 naik 0.1 peratus daripada 151.2 mata pada bulan sebelumnya kepada 151.4 mata. Selaras dengan prestasi eksport, indeks nilai seunit import juga mencatatkan peningkatan 0.3 peratus daripada 127.7 mata kepada 128.1 mata. Walau bagaimanapun, terma perdagangan Malaysia turun 0.2 peratus bulan ke bulan kepada 118.2 mata pada Februari 2025, sebagaimana dipaparkan oleh laporan **INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI (2010=100), FEBRUARI 2025** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik indeks nilai seunit, indeks volum dan terma perdagangan meliputi 10 seksyen komoditi produk barangan selaras dengan Klasifikasi Standard Perdagangan Antarabangsa (SITC).

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan, indeks nilai seunit eksport meningkat 0.1 peratus pada Februari 2025 berbanding bulan sebelumnya, disumbangkan oleh peningkatan indeks minyak galian (+2.5%), makanan (+0.7%) dan pelbagai barang keluaran kilang (+0.6%). Namun begitu, indeks volum eksport jatuh 3.8 peratus selaras dengan kejatuhan indeks minyak galian (-12.4%), minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (-5.0%) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-4.7%). Indeks volum eksport pelarasan bermusim naik 2.3 peratus daripada 159.2 mata kepada 162.8 mata. Merujuk kepada perbandingan tahunan, indeks nilai seunit dan indeks volum masing-masing bertambah 2.8 peratus dan 3.3 peratus.


Indeks nilai seunit import melonjak 0.3 peratus pada Februari 2025, disumbangkan oleh kenaikan indeks minyak galian (+2.0%), pelbagai barang keluaran kilang (+0.4%) dan makanan (+0.1%). Namun begitu, indeks volum import merosot 11.6 peratus pada Februari 2025 berbanding bulan sebelum, disumbangkan oleh penurunan dalam indeks barang-barang keluaran kilang (-17.9%), alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-15.9%) dan pelbagai barang keluaran kilang (-11.4%). Indeks volum import pelarasan bermusim turun 2.0 peratus daripada 212.9 mata kepada 208.7 mata. Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan indeks nilai seunit import berkurang 1.4 peratus dan indeks volum bertambah 7.0 peratus.

Terma Perdagangan Malaysia menyusut 0.2 peratus bulan ke bulan kepada 118.2 mata pada Februari 2025, didorong oleh kejatuhan indeks minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (-2.0%), alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-0.5%) dan barang-barang keluaran kilang (-0.1%). Sementara itu, terma perdagangan Malaysia tahun ke tahun menokok 4.2 peratus daripada 113.4 mata pada Februari tahun lalu.

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan'. Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.



**Carta 1: Peratus Perubahan Bulan ke Bulan bagi Indeks Nilai Seunit Eksport & Import
Januari 2023 – Februari 2025**

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
28 MAC 2025

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, March 28th 2025



MEDIA STATEMENT

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514, Federal Territory Putrajaya
Telephone no. : 03 - 8090 4681

EXTERNAL TRADE INDICES, MALAYSIA, FEBRUARY 2025

Malaysia's export and import prices edged up by 0.1 per cent and 0.3 per cent in February 2025, respectively mainly contributed by mineral fuels.

PUTRAJAYA, MARCH 28, 2025 – Malaysia's export prices in January 2025 up by 0.1 per cent from 151.2 points in the previous month to 151.4 points. Consistent with export performance, import unit value index also registered an increase of 0.3 per cent from 127.7 per cent to 128.1 points. However, Malaysia's terms of trade down by 0.2 per cent month-on-month to 118.2 points in February 2025 as reported today in **EXTERNAL TRADE INDICES (2010=100), FEBRUARY 2025**. This publication presents the unit value index, volume index and terms of trade for 10 commodity sections of merchandise products in accordance with the Standard International Trade Classification (SITC).

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin highlighted, the export unit value index edged up by 0.1 per cent in February 2025 as compared to the previous month. This increase was primarily driven by an increment in the indices of mineral fuels (+2.5%), food (+0.7%) and miscellaneous manufactured articles (+0.6%). However, the export volume index decreased by 3.8 per cent in line with the decrement in the index of mineral fuels (-12.4%), animal & vegetable oils & fats (-5.0%) and machinery & transport equipment (-4.7%). The seasonally adjusted export volume index up by 2.3 per cent from 159.2 points to 162.8 points. Referring to the annual comparison, the unit value index and volume index went up by 2.8 per cent and 3.3 per cent, respectively.

The index of mineral fuels (+2.0%), miscellaneous manufactured articles (+0.4%) and food (+0.1%) all contributed to a 0.3 per cent increase in the import unit value index in

February 2025. However, the import volume index down by 11.6 per cent in February 2025 as compared to the previous month, contributed by the decrement in the index of manufactured goods (-17.9%), machinery & transport equipment (-15.9%) and miscellaneous manufactured articles (-11.4%). The seasonally adjusted import volume index went down by 2.0 per cent from 212.9 points to 208.7 points. A year-on-year comparison showed that the unit value index slipped by 1.4 per cent and volume index rose by 7.0 per cent.

Malaysia's terms of trade downwards 0.2 per cent month-on-month to 118.2 points in February 2025, driven by the decrease in the index of animal & vegetable oils & fats (-2.0%), machinery & transport equipment (-0.5%) and manufactured goods (-0.1%). Meanwhile, Malaysia's terms of trade climbed 4.2 per cent year-on-year from 113.4 points in February previous year.

ASEAN-Malaysia 2025 Chairmanship: Department of Statistics Malaysia (DOSM) will chair the 15th ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) which aim to strengthen the statistical cooperation towards sustainable regional development.

The Government of Malaysia has declared October 20th as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life'. Meanwhile, the Fourth World Statistics Day will be celebrated on 20 October 2025, with the theme 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.




Chart 1: Month-on-Month Percentage Change of Export & Import Unit Value Indices
January 2023 – February 2025

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
28 MARCH 2025